

Perancangan Kewangan Hayat

Anuar Bin Haniff
Mohd Nizal Bin Haniff

62.024
ANU



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERANCANGAN KEWANGAN HAYAT

STRATEGI-STRATEGI KEWANGAN YANG
BERHEMAM SEPANJANG HAYAT SESUAI
BAGI SEMUA PERINGKAT UMUR DI
MALAYSIA



Anuar Haniff

MA Econ, HBA Econ.

Mohd Nizal Haniff

PHD Finance, MSc Finance, CIMA



August
Publishing

PUSTAKA PERDANA



1 00891 6

August Publishing Sdn.Bhd. (665084-U)

6-1, 1st Floor, Jalan PJS 8/18,
Dataran Mentari Bandar Sunway,
46150 Petaling Jaya,
Selangor, MALAYSIA.
www.augustpub.com,
email:editor@augustpub.com

© 2009 August Publishing Sdn.Bhd.

Semua hak terperihara. Tiada mana-mana bahagian bahan yang dilindungi oleh hakcipta ini boleh dihasilkan semula atau digunakan dalam sebarang bentuk, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, perakaman, atau melalui apa-apa jenis sistem penyimpanan maklumat dan perolehan semula, tanpa memperolehi kebenaran secara bertulis daripada pemilik hakcipta.

5 4 3 2 1

13 12 11 10 09

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Anuar Haniff

Perancangan kewangan hayat: strategi-strategi kewangan yang berhemah sepanjang hayat sesuai bagi semua peringkat umur di Malaysia / Anuar Haniff, Mohd Nizal Haniff.

Bibliography : p.100

ISBN 978-983-3317-66-0

1. Finance, Personal. I. Mohd Nizal Haniff. II. Judul.
332.024

Penempahan sila guna ISBN 978-983-3317-66-0

Dicetak oleh:

CP Printery Sdn.Bhd.
18 & 20, Jalan Jalak 2,
Taman Sri Bahtera,
56100 Cheras, Kuala Lumpur.

332.024
ANU

Kandungan

<i>Pendahuluan</i>	
<i>Kitaran Hayat dan Perancangan Kewangan</i>	1
Bab 1 Kitar Hayat Remaja dan Keperluan Kewangan	10
Bab 2 Kaedah Penjimatan dan Penabungan yang Baik untuk Remaja	13
Bab 3 Kitar Hayat Belia dan Keperluan Kewangan	29
Bab 4 Kaedah Penjimatan dan Penabungan yang Baik untuk Belia	32
Bab 5 Kitar Hayat Pertengahan Umur dan Keperluan Kewangan	50
Bab 6 Kaedah Penjimatan dan Penabungan yang Baik untuk Persaraan	52
Bab 7 Pendapatan Kedua	64
Bab 8 Geran Usahawan Percuma	89
Bab 9 Penutup	97
Rujukan	100





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Pendahuluan

Kitaran Hayat dan Perancangan Kewangan



SEBAGAI permulaan, hasil nukilan buku ini merangkumi dua topik mustahak dewasa kini memandangkan suasana ekonomi yang tidak menentu serta kenaikan kos kehidupan yang mendadak yang memerlukan daya kreativiti serta usaha gigih untuk menanganinya.

Perancangan Kewangan Hayat

Tidak dinafikan bahawa perancangan kewangan peribadi adalah merupakan satu daripada asas ilmu kehidupan yang seringkali kita anggap remeh sedangkan ia mempunyai kepentingan yang amat besar dalam menentukan kesejahteraan serta kebahagiaan hidup kita di dunia dan akhirat.



Ilmu pengetahuan tentang perakaunan serta kemahiran asas pengurusan kewangan amat mustahak lebih-lebih lagi dalam suasana keadaan semasa yang semakin mencabar dengan ketidaktentuan keadaan ekonomi serta kenaikan mendadak kos saraan hidup termasuk makanan, pengangkutan, perumahan, pembelajaran dan sebagainya akibat kenaikan harga minyak mentah serta kegawatan ekonomi dunia baru-baru ini.

Tidak ketinggalan juga, kesan-kesan impak negatif akibat pengurusan kewangan keseluruhan yang tidak komprehensif serta efisien seperti kenaikan tahap tekanan dalam kalangan golongan masyarakat yang berpendapatan rendah, kes-kes penceraiian pasangan muda yang meruncing akibat masalah kewangan, kadar kebangkrapan pengguna muda kad kredit, kes jenayah serta gejala sosial yang meningkat akibat masalah pinjaman 'Along' dan kesempitan hidup di bandar raya metropolitan.

Tidak ketinggalan juga masalah-masalah penjualan harta pusaka sebagai jalan penyelesaian kewangan sementara, 'Orang Kaya Baru-OKB' yang menghadapi masalah insolvensi akibat penipuan 'skim cepat kaya', kos serta bil penyelenggaraan hospital yang melambung tinggi, kos pembelajaran kolej serta uiversiti yang mencecah ratusan ribu ringgit, pembelanjaan di bawah kemampuan/pendapatan dan sebagainya.

Adakah perkembangan di atas menandakan bahawa kehidupan saya, anda serta generasi hadapan kita sedang berada di ambang zaman kewangan dan ekonomi yang malap? Bagaimanakah saya dan anda boleh mengatasi kemelut serta masalah kewangan di atas? Adakah kekayaan itu boleh dikekalkan serta menjamin kewangan sepanjang hayat yang



stabil? Bagaimana caranya untuk mencapai tahap kewangan yang mencukupi serta dapat mengecapi kebahagiaan sehingga ke akhir hayat? Adakah kehidupan selepas pesaraan anda mencukupi serta terjamin? Bagaimana caranya anda berkongsi kekayaan dengan masyarakat melalui skim potongan 'automatik' yang amat mudah?

Jawapan serta penyelesaian kepada persoalan-persoalan di atas adalah bergantung kepada langkah-langkah serta pelan tindakan kewangan yang akan diambil dan dilaksanakan oleh anda.

Melalui pembacaan dan beberapa kajian berkenaan perancangan kewangan serta perbelanjaan yang berhemah, tindakan segera di atas amatlah disyorkan kerana fakta-fakta kehidupan berkenaan:

1. Perancangan kewangan yang efektif lagi mantap bergantung kepada kesedaran untuk menyimpan atau menabung pada peringkat umur yang awal. Ini adalah berdasarkan kepada faktor '*compounded dividend/profit*' ke atas pelaburan serta penabungan kita.

2. Penabungan sepanjang hayat yang berjaya (sebahagian daripada perancangan kewangan yang teratur) bergantung kepada:
 - (a) Kesedaran untuk menabung/berjimat untuk masa hadapan.
 - (b) Matlamat serta objektif penabungan.
 - (c) Perancangan serta pelan strategi kewangan.
 - (d) Disiplin serta pemantauan yang berpanjangan.

Dengan kata lain, ini bermaksud bahawa pendapatan yang lumayan tidak semestinya dapat menzahirkan serta menjamin penabungan yang banyak lebih-lebih lagi jika seseorang itu bersikap boros dalam pembelanjaan bulannya seperti membeli-belah di tempat yang 'trendy' serta makan di restoran-restoran mahal. Malah terdapat ramai orang yang berpendapatan tinggi tetapi berhutang sekeliling pinggang akibat cara hidup yang mewah. Bak kata pepatah Melayu 'makin besar periuk maka besar pulalah keraknya'. Ada pula antara kita yang mungkin berbelanja melebihi daripada kemampuan kewangan yang sedia ada. Ini adalah sebab-sebab yang perlunya kita merancang untuk hari tua supaya di hari persaraan kelak kita masih mampu membiayai keperluan kehidupan harian dengan selesa tanpa perlu bekerja lagi.

Oleh yang demikian, *Perancangan Kewangan Hayat* merupakan satu buku panduan yang pratikal untuk anda ikuti serta laksanakan dalam pengurusan kewangan kitar hayat yang secara umumnya boleh digambarkan dalam Rajah 1.

Berlandaskan kepada kitar hayat di atas, saya akan membincangkan pelan-pelan strategi kewangan mengikut peringkat-peringkat seperti demikian:

1. PEMBINAAN KEKAYAAN (UMUR: 20-30)
2. PENJAMINAN KEKAYAAN (UMUR: 30-35)